

Seni Pertahanan Diri Antarabangsa

Jepun, China antara lapan negara peserta

BUAT julung-julung kalinya, satu Demonstrasi Seni Pertahanan Diri Antarabangsa akan diadakan di negara ini tidak lama lagi.

Jepun dan China, dua buah negara yang terkenal dengan seni pertahanan diri mereka, adalah antara lapan buah negara yang akan mengambil bahagian.

Seramai 18 orang pakar seni pertahanan diri akan dihantar dari setiap dua negara itu.

Enam negara lain yang akan mengambil bahagian ialah Korea Selatan dengan mengirimi 14 orang peserta, Thailand (tiga peserta), Indonesia (tiga peserta), Malaysia (tiga peserta), Macao (dua peserta) dan Australia/New Zealand (seorang peserta).

Termasuk silat

Singapura sendiri akan menyertakan kira-kira 200 orang peserta dari 24 buah pertubuhan seni pertahanan diri, termasuk silat, dalam demonstrasi yang akan berlangsung selama lima hari dari 19 hingga 23 Mac ini.

Demonstrasi itu akan diadakan dalam dua bentuk, iaitu pertandingan olahraga antara seni pertahanan diri dan persembahan seni dari berbagai negara peserta.

Dianjurkan oleh Persatuan Julat Seni Pertahanan Diri Singapura (SMALAS), ia bertujuan untuk meningkatkan minat orang ramai terhadap seni pertahanan diri. Persatuan itu pernah mengan-

jurkan pertandingan antara perguruan seni itu dalam 1983, tetapi hanya di peringkat nasional sahaja.

Dalam satu sidang akhbar semalam, naib presiden SMAIAS, Encik Anthony Wee, berkata demonstrasi itu juga bertujuan mengkaji sejauh mana perkembangan seni pertahanan diri di rantau Asia bagi meningkatkan mutu seni itu di Singapura.

"Satu lagi ialah untuk memperatkan hubungan antara kumpulan seni pertahanan diri di dunia.

Penaja utama

"Ini adalah peluang yang tidak harus dilepaskan oleh orang ramai kerana beberapa orang peserta luar negeri merupakan mahaguru seni pertahanan diri yang telah berkecimpung selama lebih 30 tahun," kata Encik Wee.

Beliau memberi contoh seorang mahaguru China yang berusia 81 tahun, Encik Sha Guozheng, seorang pakar dalam berbagai seni gongfu dan Encik Wang Zhuangfei, 76 tahun, mahaguru tiga generasi dari seni pertahanan diri 'Ba Gua Quan'.

Turut serta ialah seorang bintang filem China yang telah menjuarai pertandingan seni pertahanan diri seluruh China sebanyak lima kali, Li Lianjie, yang membintangi filem *Shaolin Temple* dan *Martial Arts of Shaolin*.

Penaja utama demonstrasi itu ialah syarikat Malayan Breweries dengan disokong oleh ramai orang perseorangan.

Encik Wee yakin bahawa orang

ramai akan memberi sambutan hangat dan menjangka bahawa kesemua 7,000 tempat duduk di Stadium Gay World itu akan dipenuhi pada setiap malam persembahan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff, yang turut hadir dalam sidang akhbar kelmarin memberitau pihaknya telah pun memilih tiga orang ahli silat lelaki dan dua orang wanita untuk bertanding dalam bahagian olahraga.

Mereka ialah Encik Raja Ahmad Raja Yusof (bahagian lightweight), Encik Osman Mohamad (middleweight) dan Encik Hamid Hassan (heavyweight). Dua orang peserta wanita ialah Cik Rasmi Ayob dan Cik Samsiah Hosni.

Diberi peluang

Di samping itu, Persisi akan juga menyertakan 15 orang pesilat dalam acara persembahan.

Katanya lagi, Pasukan Gamelan Silat telah diberi peluang untuk memberi pertunjukan selama setengah jam mulai 6.30 petang sepanjang lima hari itu.

Tiket-tiket untuk pertandingan itu dijual pada harga \$5.00 dan \$15.00 dan boleh dibeli dari Hotel Riverview, pelbagai pertubuhan seni pertahanan diri, dan balai-balai rakyat Sembawang, Ang Mo Kio, Kreta Ayer, Leng Kee, Kg Chai Chee, Marsiling, Boon Lay, Clementi, Potong Pasir, Toa Payoh dan Braddell Heights.

- 6 MAR 1986